

23 MAY, 2026

85% RAKYAT TIDAK TERKESAN

Harian Metro, Malaysia



FADILLAH (tengah) bersama Abdul Rahman (dua dari kiri) dan Zaidi (dua dari kanan) di Majlis Perhimpunan Bulanan PETRA dan Inisiatif Rebat SuRIA Home. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

KERAJAAN JAMIN TARIF ELEKTRIK STABIL**85% RAKYAT
TIDAK TERKESAN**

Oleh Mohd Iskandar
Ibrahim
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kerajaan memberi jaminan kira-kira 85 peratus rakyat tidak akan terkesan dengan sebarang kos elektrik biarpun negara berdepan krisis bekalan tenaga global akibat konflik di Asia Barat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, jaminan itu diberikan kerajaan khususnya kepada pengguna do-

mestik yang menggunakan tenaga elektrik pada kadar rendah.

“Tak ada kenaikan. Yang saya maksudkan ialah kos akan naik disebabkan bekalan dunia terkesan. Jadi bila terkesan, logistik naik, semua naik, maknanya barangan semua akan berlaku kenaikan.

“Tapi kos elektrik kita dah memberi jaminan untuk 85 peratus rakyat tak akan terkesan, sebab itu memang dijamin oleh kerajaan. Itu akan tetap kita kekalkan,” katanya.

Beliau berkata demikian

ketika ditemui selepas menyempurnakan inisiatif Rebat Solar Sustainable Revate & Incentive Assistance (SuRIA) Home pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri PETRA, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad dan Ketua Setiausaha PETRA, Datuk Seri Mad Zaidi Mohd Karli.

Fadillah bagaimanapun berkata, bagi pengguna yang menggunakan elek-

trik melebihi 600 kilowatt, mungkin akan ada sedikit pelarasan tarif.

“Mungkin adalah kenaikan, mungkin ada beberapa industri lain, sektor lain, mungkin ada terkesan sikit, tapi kita sedang menilai, melihat keseluruhannya, Insya-Allah.

“Yang menggunakan tenaga 600 kilowatt ke bawah tak terkesan. Siapa guna lebih 600 kilowatt, itu akan ada ‘adjustment’ (pelarasan) sikit. Tapi Insya-Allah tak berapa beratlah kalau ada pun,” katanya.